

# Najib mahu semua pihak bersiap hadapi banjir kedua

Oleh NAZRULLAH ROSLI

**KUANTAN** 28 Dis. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengarahkan semua pihak yang terlibat dalam operasi banjir di seluruh negara bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang diramalkan akan berlaku.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata, pihak berkuasa termasuk jabatan dan agensi kerajaan perlu bersiap sedia dari segala segi untuk menghadapi bencana itu.

"Kita mesti berada dalam keadaan berse-

dia, maknanya semua jabatan dan agensi kerajaan terbabit perlu berada dalam keadaan bersiap menangani ancaman banjir kali kedua ini.

"Ini termasuk mereka yang menjaga dan memantau keadaan cuaca, seterusnya kepada pentadbiran pada peringkat daerah dan kampung seperti mereka yang terlibat dalam menyampaikan maklumat banjir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan perbarisan perisytiharan pasukan Malcon Unifil di Padang Kawad 1, Kem DaraLockwood di sini.

Semalam, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan banjir akan melanda buat kali kedua khususnya di negeri-negeri di Pan-

**Pihak berkuasa termasuk jabatan dan agensi kerajaan perlu bersiap sedia dari segala segi untuk menghadapi bencana itu**

tai Timur selepas kejadian banjir pertama di kawasan selatan tanah air.

Jabatan Meteorologi menasihatkan orang ramai bersiap sedia menghadapi kemungkinan berdepan dengan banjir sekali lagi berikutan berlaku pembentukan semula kelompok awan ekor an gangguan monsun.

Najib berkata, pasukan keselamatan seperti tentera, polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat juga sudah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga untuk menghadapi

kemungkinan gelombang kedua banjir.

"Kalau tidak banjir, alhamdulillah. Tetapi kalau berlaku, kita mesti bersiap sedia supaya operasi yang kita laksanakan kelak akan dapat dijalankan dalam keadaan efisien," katanya.

Beliau juga berkata, semua pihak yang terbabit dalam operasi banjir harus memastikan nyawa manusia diberi keutamaan selain menyelamatkan harta benda setakat yang mampu.

**NAJIB  
TUN RAZAK**  
Timbalan  
Perdana Menteri